Condrosa Sachet for Oral Solution

Glucosamine Sulphate Sodium Chloride 1500mg & Chondroitin Sulphate Sodium Chloride 1200mg

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Condrosa
2. Bagaimana Condrosa berfungsi
3. Sebelum mengambil Condrosa
4. Cara mengambil Condrosa
5. Semasa mengambil Condrosa
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang &Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

1.Apakah kegunaan Condrosa? Condrosa digunakan untuk meringan kesakitan articular, meningkatkan fungsi articular, dan mengurangkan gejala-gejala osteoartritis yang melibatkan sendi.

2.Bagaimana Condrosa berfungsi?
Condrosa mengurangkan kesakitan sendi, kebengkakan dan meningkatkan pergerakan sendi.

3.Sebelum mengambil Condrosa
Bila tidak boleh mengambil
- Jika anda mempunyai alahan terhadap glucosamin atau chondroitin atau mana-mana ramuan yang terkandung dalam Condrosa.
- Jika anda mempunyai alahan terhadap makanan laut.

-Sebelum mula mengambil
Baca arahan daripada pembekal servis perubatan anda dan risalah ini secara teliti untuk memahami cara mengambil ubat ini.

-Jika mengambil ubat-ubat lain
Bincang dengan doktor atau ahli farmasi
- sekiranya anda sedang mengambil ubat untuk mengawal kandungan glukosa dalam darah.
- Ubat-ubatan lain yang anda sedang guna, seperti ubat dibeli tanpa preskripsi

Kehamilan dan Penyusuan
Tiada maklumat yang mencukupi atas kegunaan terhadap ibu yang menghamil atau menyusu. Produk ini hanya boleh digunakan ke atas ibu-ibu di bawah pengawasan perubatan.
Pengambilan ubat adalah dilarang pada 3 bulan pertama semasa penghamilan.

4.Cara menggunakan Condrosa?
-Berapa banyak harus digunakan?
Dewasa: Satu paket sachet diambil setiap hari sebelum makan. Sachet tersebut dilarut sepenuhnya dalam secawan air dan menghasilkan larutan yang jernih.

Kanak-kanak: Keselamatan dan keberkesanan ubat ini belum dikaji atas kanak-kanak.

-Bila perlu digunakan
Condrosa boleh diambil bila-bila masa sahaja dan sebaik mungkin ambil sebelum makan.

-Berapa lama perlu digunakan
Sekurang-kurangnya 6-8 minggu ataupun lebih,bergantung kepada preskripsi doktor

-Jika terlupa menggunakkan
Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat.Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)
Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

5.Semasa menggunakan Condrosa
-Perkara yang perlu dilakukan
Ambil dos dan ikuti tempoh rawatan yang ditetapkan oleh pembekal servis perubatan anda. Anda harus berjumpa dengan doktor sekiranya gejala-gejala menjadi buruk ataupun tidak berkesan.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh luput yang dicetak pada sachet/kotak.

-Perkara yang perlu diberi perhatian
Sekiranya anda menghidap penyakit kencing manis, anda mungkin memerlukan pemantauan doktor anda terhadap kandungan gula dalam darah anda pada peringkat awal rawatan.
Pesakit yang mempunyai alahan terhadap makanan laut haruslah berhati-hati semasa mengambil Condrosa kerana glucosamin berasal daripada makanan laut.

6.Kesan-kesan sampingan

Kadiovaskular: Kes yang rendah peripheral oedema dan penambahan degupan jantung yang abnormal dalam percubaan klinikal yang banyak.

Sistem saraf pusat: Mengantuk, sakit kepala dan insomnia (gangguan tidur) jarang dijumpai sepanjang rawatan (kurang daripada 1%).

Gastrointestina: perasaan tidak selesa dalam perut, kepedihan ulu hati, sembelit, anoreksia, loya dan muntah.
Kulit: Mungkin menyebabkan reaksi hipersensitif seperti ruam kulit,kegatalan dan kemerahan pada kulit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web laman web npra.gov.my *[Consumers-> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]*.

7. Cara penyimpanan dan pelupusan
-Penyimpanan
Simapn pada 30°C dan jangan gunakan jika tarikh telah luput seperti yang dicetak pada komponen pembungkusan.

-Pelupusan
Ubat tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau buangan isi rumah. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi persekitaran.

Jauhkan dari kanak-kanak

8.Maklumat lanjut
-Rupa and warna produk
Serbuk yang berwarna putih kekuningan yang dilarutkan dalam air dan menghasilkan larutan jernih.

-Bahan-bahan kandungan
Bahan aktif: *glucosamin sulphate sodium chloride* dan *chondroitin sulphate sodium chloride*

Bahan lain-lain: Mannitol, hydroxylpropylselulos. marcogrol (PEG) 6000 dan perasa lemon.

-Nombor Pendaftaran
Condrosa Sachet for Oral Solution
(MAL15125041X)

9.Pengilang dan Pemegang pendaftaran produk
AV Manufacturing Sdn.Bhd (667760-V)
Lot 10621 (PT16700), Jalan Permata 2,
Arab Malaysian Industrial Park,
71800 Nilai, Negeri Sembilan.

10. Tarikh kemaskini RiMUP
6 Mar 2025

11. Nombor Siri
NPRA (R) /